

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN DERMA PUSPANITA KEMENTERIAN KEWANGAN KEPADA  
PERSATUAN ORANG-ORANG PEKAK SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 10-03-1987

Yang Berbahagia Puan Mahani Idris Daim, Pengerusi PUSPANITA Kementerian Kewangan;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Sebagai Penaung Puspanita Pusat saya berasa bangga di atas kejayaan Puspanita Kementerian Kewangan menganjurkan Pesta Budi baru-baru ini.

2. Kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh badan-badan sukarela yang lain yang telahpun disebutkan sebentar tadi oleh Yang Berbahagia Puan Mahani sangatlah menggalakkan.

Mereka juga turut sama menjayakan Pesta tersebut. Kepada semua saya ucapkan syabas dan tahniah.

3. Kegiatan-kegiatan amal seperti ini memanglah digalakkan, dan saya berharap semua badan PUSPANITA di Kementerian-kementerian lain akan juga bergiat untuk membuat kerja amal seperti ini. Kepada pihak swasta saya berharap akan terus memberi sokongan untuk kegiatan seperti ini.

4. Persatuan bagi orang-orang pekak sungguh bertuah kerana dipilih sebagai penerima sebahagian besar daripada hasil Pesta Budi ini dan juga daripada pertunjukan fesyen Nyonya Meneer yang berjumlah lebih kurang 70 ribu ringgit. Saya difahamkan bahawa pilihan ini telah dibuat memandangkan kegigihan dan dedikasi Encik Tan Yap kepada Persatuan Orang-Orang pekak Selangor dan Wilayah Persekutuan. Saya percaya wang ini akan digunakan untuk menambahkan lagi berbagai-bagai kemudahan kepada Persatuan tersebut.

5. Saya berdoa semoga tujuan-tujuan murni dan mulia Persatuan ini terhadap orang cacat pendengaran akan terus berjaya.

6. Kepada Yang Berbahagia Puan Mahani dan PUSPANITA Kementerian Kewangan, saya mengucapkan tahniah.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.